

## **TEKS UCAPTAMA**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK  
MYANGKASA VILLA DARI MYANGKASA  
BINA SDN BHD**

**11 JANUARI 2024 (KHAMIS)**  
**3.45 PETANG**  
**KAMPUNG MAHLIGAI, BACHOK,**  
**KELANTAN**

Bismillahhirrahmannirrahim  
Assalamualaikum warahmatullah  
waborakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan,  
Salam Malaysia Madani dan Salam  
Koperasi

Terima kasih saya ucapkan kepada  
saudara/saudari pengerusi majlis

## **SALUTASI**

**BARISAN KEPIMPINAN ANGKASA /  
MyANGKASA BINA SDN.BHD.**

**1) YBHG. DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN  
ISMAIL**

Ahli Lembaga Pengarah MBSB  
merangkap Anggota Lembaga  
ANGKASA

**2) YBHG. DATUK DR. HJ. AZIH BIN HJ.  
MUDA**

Ahli Lembaga Pengarah MBSB

**3) YBHG. DATUK IR. HJ. SHUKRI BIN  
MUSLIM**

Ahli Lembaga Pengarah MBSB

**4) YBHG. DATO' IR. PROF HJ. ROHAIZI  
BIN HJ. MOHD JUSOH**  
Ahli Lembaga Pengarah MBSB

**5) YBHG, DATO' HJ. CHE MOHD  
SHUKREE BIN CHE ISA**  
Pengerusi MyANGKASA BINA Sdn. Bhd  
merangkap Anggota Lembaga  
ANGKASA

**6) YBHG. DATO SR. DR. HJ. KAMARUL  
RASHDAN BIN HJ. SALLEH**  
Ketua Eksekutif MBSB

**7) ENCIK WAN MOHAMAD ZAIN WAN  
ABDULLAH**  
Pengerusi ANGKASA NEGERI KELANTAN

**8) YBHG. DATO' DR. HJ. MOHAMED  
SAAT ISMAIL**

Pengerusi KOPERASI WARGA USM  
KELANTAN BERHAD

BARISAN ANGGOTA JAWATANKUASA  
ANGKASA NEGERI KELANTAN  
BARISAN AJK KOPERASI WARGA USM  
KELANTAN BERHAD

BARISAN KEPIMPINAN WAKIL KOPERASI  
KELANTAN  
KAKITANGAN ANGKASA KELANTAN  
DAN KAKITANGAN KOPERASI WARGA  
USM KELANTAN BERHAD

SETERUSNYA DATUK DATUK DATIN DATIN  
TUAN TUAN PUAN PUAN YANG  
DIRAHMATI ALLAH SWT.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada ALLAH S.W.T. dengan limpah rahmat dan kurniaNya, maka kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam **UPACARA PECAH TANAH** projek perumahan **MyANGKASA Villa** dari **MyANGKASA Bina Sdn Bhd** dengan kerjasama

## **Koperasi Warga USM Kelantan Berhad (COOPUSMA).**

2. Untuk makluman para hadirin semua melalui projek ini kita akan membina sebanyak **7 unit MyANGKASA Villa** di Kg Mahligai, Bachok, Kelantan Darul Naim. Ini merupakan salah satu detik bersejarah di mana kita sebagai

koperasi telah mengorak langkah dalam menyediakan rumah mampu milik untuk anggota koperasi dan langkah seterusnya sudah pasti diperluas kepada rakyat di negara ini.

## **HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

3. ANGKASA merupakan badan puncak gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berperanan merangsang perniagaan koperasi dalam sektor berimpak tinggi serta menjadi suara untuk gerakan ini dalam menjaga hak dan kepentingannya baik di dalam maupun luar negara. Pelbagai usaha

dijalankan oleh ANGKASA dalam meneroka peluan perniagaan baharu demi memastikan koperasi mempunyai daya saing yang tinggi dalam landskap ekonomi yang dinamik.

4. MyANGKASA Bina adalah sebuah anak syarikat dibawah MyANGKASA

Holdings Berhad. Aktiviti perniagaan antaranya adalah Pembinaan dan Pembekalan Rumah MyANGKASA Villa, Perunding Projek, Pembangunan Hartanah dan Pemasaran dan Jualan Projek-Projek Perumahan.

5. MyANGKASA Bina telah wujud hampir 10 tahun. Bermula daripada

sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan perunding projek, MBSB telah berjaya berkembang sebagai syarikat pemaju perumahan pemegang lesen G7 dan pembekalan dan pemasangan perumahan MyANGKASA Villa.

6. Untuk makluman hadirin hadirat semua, pasukan MyANGKASA Bina yang dipengerusikan oleh YBhg Dato Che Mohd Shukree dan Ketua Eksekutif YBhg. Dato Sr. Dr. Kamarul Rashdan bersama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bergerak pantas dengan mengadakan taklimat MyANGKASA Villa kepada generasi ke-2 di Felda Sg

Mas, Pengerang, Johor dan baru-baru ini di Felda Keratong 5, Rompin dan akan datang di Felda Keratong 1 dan 2, Felda Kerteh, Felda Tenggaroh dan banyak lagi. MyANGKASA Bina akan menjelajah ke seluruh negara pada tahun ini dengan tema “MyVilla Jelajah Felda”. Pasukan MyAngkasa Villa juga telah bekerjasama dengan

KEDA (Kemajuan Wilayah Kedah) dan telah mengadakan taklimat kepada pemilik-pemilik tanah program KEDA di Langkawi.

7. InsyaAllah pada tahun ini dan akan datang, banyak lagi kerjasama yang akan dibuat dengan agensi kerajaan dan negeri bagi menawarkan

perumahan MyANGKASA Villa sebagai salah satu usaha mengurangkan kos kehidupan rakyat. Kita sambut cabaran kerajaan MADANI YAB Perdana Menteri untuk menyediakan perumahan mampu milik MyANGKASA Villa kepada semua rakyat Malaysia terutamanya kepada generasi-generasi ke-2 FELDA dalam

menyediakan rumah yang selesa, luas dan mampu milik.

8. MBSB juga turut berhasrat untuk menyediakan kemudahan pembiayaan untuk pembeli-pembeli rumah kepada semua golongan berpendapatan rendah dan generasi-

genarasi ke-2 Felda melalui skim perumahan "**COOP HOME**"

9. Saya yakin Projek-projek perumahan dan harta tanah dibawah MBSB mampu untuk meningkatkan lagi perolehan koperasi serta membantu meningkatkan keterlibatan dalam sektor – sektor yang berimpak tinggi

seperti sektor harta tanah seperti yang dijalankan pada hari ini.

## **HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

10. Sebelum merasmikan upacara hari ini, marilah kita semua mendoakan keselamatan dan dipermudah segala

urusan kepada semua rakyat yang terkesan dengan musibah banjir terutamanya penduduk-penduduk di negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan baru-baru ini di Johor.

11. Semoga usaha yang dijalankan pada hari ini juga merupakan satu anjakan kepada MBSB dan juga

gerakan koperasi untuk terus meningkatkan pencapaian dalam sektor hartanah. Terima kasih juga diucapkan COOPUSMA atas jalinan kerjasama yang saya yakin akan membawa perubahan signifikan kepada landskap perniagaan koperasi.

12. Dengan lafaz BISMILLAH  
HIRRAHMANNIRRAHIM saya dengan ini  
merasmikan **UPACARA PECAH TANAH**  
**PROJEK**  
**PERUMAHAN MyANGKASA VILLA DI KG.**  
**MAHLIGAI, BACHOK, KELANTAN.**

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.